

Malaysian Soft Skills Scale (My3S)
University Teaching and Learning Centre

Telah Dihantar: 03 Mac 2010 17:05

Kepada: UUM - AB Staff; UUM All Student

Sik: UUM - UTLC

03 MAC 2010/17 RABIUL AWAL 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PILIHAN UTAMA"
(FIRST CHOICE UNIVERSITY)**Malaysian Soft Skills Scale (My3S)**

Kemahiran insaniah atau *soft-skills* merupakan kemahiran generik yang merentasi pelbagai aspek pembelajaran. Kemahiran ini merangkumi aspek individu dan kerja berkumpulan yang perlu dikuasai oleh graduan untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan dan menjadi pekerja yang berkesan dalam pelbagai organisasi.

Satu sesi menjawab soal selidik *Malaysian Soft Skills Scale (My3S)* telah diadakan pada 03 Mac 2010 (Rabu) dan bertempat di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen. Seramai 119 orang pelajar UUM yang sedang menjalani latihan praktikal di sekitar Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak telah hadir pada sesi ini.

Instrumen My3S dibangunkan adalah bertujuan untuk mengukur tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar di IPT. Penguasaan ini diukur berdasarkan kepada tujuh (7) elemen iaitu Kemahiran Berkomunikasi, Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah, Kemahiran Kerja Berpasukan, Moral dan Etika Profesional, Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat, Kemahiran Kepemimpinan dan Kemahiran Keusahawanan.

Program ini juga merupakan salah satu kriteria penilaian Sistem Penarafan IPT (SETARA) oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) bagi semua IPTA dan IPTS seluruh Malaysia. Sehubungan itu, KPT akan memastikan setiap IPT di Malaysia terlibat dan menjalankan instrumen My3S bagi merealisasikan matlamat penghasilan graduan IPT yang holistik.

Sesi menjawab instrumen My3S ini telah dijalankan oleh lima (5) wakil KPT daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Abdul Malek Abdul Rahman.

Seramai enam belas (16) orang pelajar, kemudiannya dipilih secara rawak untuk menghadiri sesi temu duga yang bertujuan untuk mengukur tahap kemahiran